

SIARAN SEGERA

1 JULAI 2020

UEM Edgenta Mengalu-alukan Syahrudin Samsudin sebagai Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif Baharu

KUALA LUMPUR, 1 Julai - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini mengalu-alukan Syahrudin Samsudin sebagai Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif (“MD/CEO”) yang baharu berkuat kuasa hari ini.

Syahrudin sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Touch ‘n Go Sdn. Bhd. (“TnG”) dan telah memacu sektor perkhidmatan kewangan digital yang memberangsangkan di TnG. Kebolehan beliau dalam memimpin perniagaan di sektor korporat telah terbukti melalui pengalaman melebihi 24 tahun dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang akan memainkan peranan penting dalam fasa perkembangan, inovasi dan pertumbuhan produk UEM Edgenta pada masa hadapan.

Sejak peletakan jawatan MD/CEO terdahulu pada bulan April 2020, pengurusan operasi dan strategik harian UEM Edgenta telah dipimpin oleh barisan Eksekutif Peringkat-C Syarikat sebagai sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarahnya untuk mengemudi UEM Edgenta dalam tempoh peralihan sehingga kemasukan Syahrudin.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Disiarkan oleh **UEM Edgenta Berhad** pada tarikh yang tertera seperti di atas. Hubungi: Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.